

C N S 4 6 4 8

R GB 09-10 00176 BH518

aab

AKTA PERHUTANRN BANDAR TAK PERLU DI MALAYSIA. KATA MAHATHIR

Mahathir - Hutan

BANGI, 9 Okt (Bernama)--- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia tidak perlu mempunyai Akta Perhutanan Bandar kerana negara ini sudah hijau di kawasan bandar dan desa.

+Kita lebih jauh daripada negara yang mempunyai akta itu,+katanya kepada pemberita selepas merasmikan kursus khas kontraktor binaan bumiputera di Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) di sini hari ini.

Beliau berkata, negara berkenaan (yang mempunyai akta itu) bukan sahaja tidak hijau di bandar malah di kawasan luar bandarnya pun banyak pokok yang telah ditebang.

Beliau menyatakan demikian ketika diminta mengulas cadangan seorang ahli geografi, Prof Dr Sham Sani dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) supaya Malaysia mewajudkan akta berkenaan untuk mengijaukan kawasan bandar.

Prof **Sham**, yang kini memegang kerusi Tun Abdul Razak bagi kajian Asia Tenggara di Universiti Ohio, Amerika Syarikat, ketika mencadangkan perkara itu tidak lama dulu, berkata, akta itu telah dilaksanakan dengan jayanya di Amerika Syarikat untuk mengijaukan bandar-bandar. -- Lagi

▼09/10/15-29MST

R GB 09-10 00179 BH519

aab

Mahathir-Hutan 2 Bangi

Dr Mahathir berkata, Kuala Lumpur merupakan satu-satunya tempat yang mempunyai hutan di tengah-tengah bandaraya.

+...kita lihat dekat kawasan Tasik Perdana...hutan kecil yang begitu tebal, kalau ada bandit (musuh), kita tak nampak...dia boleh bersembunyi di dalam hutan itu,+katanya.

Mengenai sekumpulan orang yang mendakwa mewakili Persatuan Tamil Malaysia yang dikatakan tidak dapat berjumpanya semalam untuk menyerahkan satu memorandum meminta agar Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Seri S. Samy Vellu digugurkan daripada Kabinet, Perdana Menteri berkata, beliau tidak mendengar atau tahu apa-apa tentang perkara itu.

Sebuah akhbar harian melaporkan hari ini ketua kumpulan itu, Encik V.K. Sinnapan, yang juga pengerusi MIC cawangan Kota Raja, telah menyerahkan memorandum itu kepada seorang kakitangan di Jabatan Perdana Menteri, selepas dia seorang sahaja dihenarkan masuk ke Jabatan Perdana Menteri.

semalam

Sempena majlis perasmian itu, Perdana Menteri turut mendengar taklimat mengenai aktiviti di XKRAM, yang disampaikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya, Tan Sri Wan Abdul Rahman Haji Yaakob, dan melawat pameran IKRAM. -- Bernama